


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Dia Tidak di Sini, Tetapi Telah Bangkit

Hari ini hanya puing tinggal dari kota Kaper-naum, bandar itu di tepi tasik, tengah-tengah pusat pengajaran Juruselamat di Galilea. Di sini Dia berkhotbah di dalam saumaah, mengajar di tepi laut, dan menyembuhkan orang di dalam rumah tangga.

Pada permulaan pengajaranNya, Yesus mengambil suatu petikan dari Yesaya: “Roh Allah ada pada-Ku, oleh kerana Tuhan telah mengurapi Aku; Ia telah mengutus Aku untuk menyampaikan khabar baik kepada orang-orang sengsara, dan merawat orang-orang yang remuk hati, untuk memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan, dan kepada orang-orang yang terkurung kelepasan dari penjara” (Yesaya 61:2; lihat juga Lukas 4:18)—suatu pernyataan yang jelas mengenai rancangan ilahi unuk menyelamatkan anak-anak lekaki dan anak-anak perempuan Tuhan.

Akan tetapi, pengkhotbahannya Yesus di Galilea hanyalah pendahuluan. Putera Manusia selalunya ada pertemuan yang mengerikan untuk ditepati di suatu bukit yang digelar Golgota.

Ditangkap di Taman Getsemane, selepas Perjamuan Terakhir, ditinggalkan oleh murid-muridnya, diludahi, dibicarakan di mahkamah, dan dimaki hamun, Yesus terhuyung-hayang di bawah salib-Nya yang begitu berat menuju ke Kalvari. Dia maju dari kemenangan ke

pengkhianatan, penyeksaan, dan kematian di atas salib. Di dalam kata-kata lagu “Bandar Suci”:

Adekan ditukar. . . .

Paginya sejuk dan dingin,

Ketika bayangan salib muncul

Di atas sebuah bukit yang sunyi.¹

Untuk kitalah, Bapa kita Di Syurga memberikan Putera-Nya. Untuk kitalah Abang kita yang Sulung menyerahkan nyawa-Nya.

Pada ketika yang terakhir, Sang Ketua mungkin dapat undur balik. Tetapi Ia tidak melakukan begitu. Dia turun di bawah segala sesuatu supaya Dia dapat menyelamatkan kesemuanya: segala bangsa manusia, bumi, dan segalanya yang hidup yang pernah mendiaminya.

Tidak ada perkataan dalam kekristianan yang lebih bermakna daripada yang diucapkan oleh malaikat kepada Maria Magdalena ketika ia menangis dan Maria yang lain semasa mereka menghampiri makam untuk menjaga tubuh Juruselamat mereka: “Mengapa kamu mencari Dia yang hidup, di antara orang mati? Ia tidak ada di sini, tetapi telah bangkit” (Lukas 24:5–6).

Dengan pengumuman ini, mereka yang telah hidup dan mati, mereka yang sekarang hidup dan pada suatu

hari nanti akan mati, dan mereka yang belum lahir yang belum mati telah baru saja diselamatkan.

Sebagai akibat kemenangan Kristus atas kematian, kita semua akan dibangkitkan. Ini adalah penebusan jiwa. Rasul Paulus menulis:

“Ada . . . tubuh selestial, dan tubuh terestrial: tetapi kemuliaan dari yang selestial adalah satu, dan kemuliaan dari yang terestial adalah satu yang lain.

“Ada satu yang berkemuliaan seperti matahari, dan satu yang lain yang berkemuliaan seperti bulan, dan satu yang lain yang berkemuliaan seperti bintang-bintang: kerana kemuliaan satu bintang berbeza dari kemuliaan satu bintang yang lain.

“Demikian juga dengan kebangkitan yang mati” (1 Korintus 15:40–42).

Kemuliaan selestial adalah kemuliaan yang kita cari. Hadirat Tuhan adalah tempat di mana kita ingin tinggal. Ia dalam keluarga kekal yang kita ingin keanggotaan.

Saya bersaksi akan Dia yang telah membebaskan setiap satu kita dari kematian yang tidak pernah berakhir. Saya bersaksi bahawa Dia ialah seorang guru kebenaran—tetapi dia lebih daripada guru. Dia ialah teladan untuk kehidupan abadi—tetapi Dia lebih daripada teladan. Dia ialah pakar perubatan yang terunggul—tetapi Dia lebih daripada pakar perubatan. Dia ialah secara harfiah Juruselamat dunia, Putera Tuhan, Pangeran Damai, Yang Kudus dari Israel, bahkan Tuhan yang bangkit, yang mengisytiharkan, “Aku yang pertama dan yang terakhir; Aku adalah Dia yang hidup; Aku adalah Dia yang dibunuh; Aku peguambelamu dengan Bapa” (A&P 110:4).

“Betapa manis kegembiraan ayat ini berikan: ‘Saya tahu Penebusku hidup!’”²

Akan ini saya bersaksi.

CATATAN-CATATAN

1. Frederick E. Weatherly, “The Holy City” (1892).
2. “I Know That My Redeemer Lives,” *Hymns*, no. 36.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Guru-guru yang baik menggalakkan semangat perpaduan di antara mereka yang diajar. Ketika orang

berkongsi wawasan mereka dan mendengarkan satu sama lain dengan hormat, mereka tidak sahaja menikmati suasana pembelajaran yang positif tetapi juga menjadi lebih bersatu-padu (lihat *Teaching, No Greater Call* [1999], 63). Perpaduan akan berkembang di antara mereka yang anda ajar ketika anda dan mereka bersaksi secara penuh rasa hormat akan Korban Tebusan Yesus Kristus dan Kebangkitan-Nya. Perpaduan ini dapat membantu keluarga-keluarga mengikuti nasihat Presiden Monson untuk menjadi suatu “keluarga yang kekal.”

REMAJA

Dia Menunjukkan Kita Cara Pulang Rumah-Nya

Juruselamat datang ke bumi untuk menunjukkan kepada kita cara hidup selaras dengan rancangan yang dicipta di syurga—ia suatu rancangan, yang, kalau dijalankan, akan menjadikan kita gembira. Teladan Dia menunjukkan kita cara kembali semula kepada Bapa di Syurga. Tidak ada yang lain yang pernah hidup yang telah begitu ‘tabah dan tak tergoyahkan (Mosia 5:15). Perhatian-Nya tidak pernah dialih. Dia berfokus dalam melaksanakan keinginan Bapa, dan Dia tetap setia dalam misi ilahi-Nya. . . .

“Anda ialah sebahagian rancangan yang mengagumkan itu yang dipersembahkan di alam pradunia. Ketampilan anda ke dunia sekarang telah diceritakan sebelum masanya bahkan sejak rancangan diterima. Posisi anda dalam masa dan tempat bukan kebetulan. Jadi iman anda ‘yang amat besar dan perkerjaan baik’ anda (Alma 13:3) telah menyediakan asas untuk apa yang anda mungkin dapat capai sekarang jika anda beriman dan patuh. . . . Anda ada perkerjaan yang hebat untuk dilakukan. Untuk mencapai misi ilahi anda dan hidup selaras dengan rancangan kegembiraan, anda juga mesti tabah dan tak tergoyah.”

Elaine S. Dalton, Young Women general president, “At All Times, in All Things, and in All Places,” *Liahona*, May 2008, 116.



Iman • Keluarga • Pertolongan

Tujuan Lembaga Pertolongan

Pelajarilah pesanan ini secara penuh doa dan, sebagaimana sesuai, berbincang mengenainya dengan saudari yang anda kunjungi. Gunakan soalan-soalan yang di bawah untuk menolong menguatkan para saudari yang anda ajar dan membuat Lembaga Pertolongan sebahagian giat dalam hidup anda sendiri.

Apabila presidensi kami baru dipanggil, kami diberi beberapa sumber belajar mengenai sejarah Lembaga Pertolongan. Kami pelajarinya secara penuh doa, dengan ingin mengetahui tujuan Lembaga Pertolongan dan apa yang Tuhan ingin kami lakukan. Kami belajar bahawa tujuan Lembaga Pertolongan sebagaimana didirikan oleh Tuhan adalah untuk mengorganisasikan, mengajarkan, dan mengilhamkan para anak-anak perempuan Dia untuk mempersiapkan mereka bagi berkat-berkat kehidupan kekal.

Untuk memenuhi tujuan ini dari Lembaga Pertolongan, Tuhan telah menugasi setiap saudari dan seluruh organisasi untuk:

1. Meningkatkan dalam iman dan kesolehan peribadi.
2. Menguatkan keluarga dan rumah tangga.
3. Memberikan pertolongan dengan melayani Tuhan dan anak-anak-Nya.

Kita dapat melakukan perkerjaan ini dalam cara Tuhan hanya apabila kita mencari, menerima, dan bertindak menurut wahyu peribadi. Tanpa wahyu peribadi, kita tidak dapat berjaya. Jika kita mengikuti wayhu peribadi, kita tidak dapat gagal. Nabi Nefi mengajarkan kita

bahawa Roh Kudus akan memperlihatkan kepada kita “segala sesuatu yang hendaknya [kita] melakukan” (2 Nefi 32:5). Kita mesti membiarkan diri kita cukup berdiam dan cukup senyap untuk mendengar suara Roh Kudus.

Saudari-saudari, kita ada peranan yang sangat mustahak untuk dimainkan dalam menolong bina kerajaan Tuhan dan bersedia untuk kedatangan Tuhan. Hakikatnya, perkerjaan Tuhan tidak tercapai tanpa pertolongan anak-anak perempuan Dia. Oleh kerana itu, Tuhan mengharapkan kita untuk menambahkan korban kita. Dia mengharapkan kita untuk memenuhi tujuan Lembaga Pertolongan dengan lebih baik daripada masa lampau.

Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan.

Dari Tulisan Suci

Ulangan 6:5–7; Lukas 10:30–37; Yakobus 1:27; 2 Nefi 25:26; Mosia 3:12–13

Dari Sejarah Kita

Di suatu pertemuan Lembaga Pertolongan yang diadakan pada tanggal 9 Jun, 1842, Nabi Joseph Smith mengajarkan para saudari bahawa persatuan mereka “bukan sahaja untuk membantu yang

miskin, tetapi untuk menyelamatkan jiwa-jiwa.”¹ Kenyataan ini yang ada tujuan rohani mahupun duniawi, telah menggambarkan sifat Lembaga Pertolongan sepanjang sejarahnya. Dalam tahun 1906 Presiden Joseph F. Smith (1838–1918) mengajarkan: “[Lembaga Pertolongan] tidak sahaja bertujuan dengan keperluan yang miskin, yang sakit, dan yang memerlukan, tetapi sebahagian dari tugasnya—dan bahagian yang lebih besar juga—adalah menjaga kebajikan rohani dan keselamatan ibu-ibu dan anak-anak perempuan dari Sion; untuk memastikan supaya tidak ada yang dilalaikan, tetapi supaya semua dijaga dari kemalangan, malapetaka, kuasa gelap, dan kejahatan yang mengancam mereka di dunia.”² Pada 2001 Penatua M. Russell Ballard dari Kuorum Dua Belas Rasul mengulang, “Setiap saudari di dalam gereja ini yang telah mengikat perjanjian dengan Tuhan ada mandat untuk menolong menyelamatkan jiwa-jiwa, memimpin para wanita dunia, menguatkan rumah-rumah tangga Sion, dan membina kerajaan Tuhan.”³

CATATAN

1. Joseph Smith, *History of the Church*, 5:25.
2. *Teachings of Presidents of the Church: Joseph F. Smith* (1998), 185.
3. M. Russell Ballard, “Women of Righteousness,” *Liahona*, Dec. 2002, 39.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

1. Apa ilham telah saya terima untuk membantu para saudara yang saya ajar bertambah iman dan kesolehahan peribadi dan menguatkan keluarga serta rumah tangga mereka? Apa pertolongan dapat saya berikan?

2. Bagaimana akan saya menggunakan pesanan ini untuk menguatkan iman saya dan meningkatkan tekad diri saya untuk hidup dengan kesolehahan peribadi?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.